



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

## Dr Mohd Yahya Mohd Ariffin

# Saluran komunikasi kerjaya

(Bahagian 1)

**P**erkaara yang amat penting kepada bakal graduan ialah bagaimana untuk mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan yang diperlukan.

Timbul persoalan di manakah majikan mengiklankan jawatan kosong yang diperlukan oleh mereka? Apakah jenis saluran komunikasi yang digunakan majikan untuk menyampaikan maklumat mengenai peluang pekerjaan di pasaran?

Sebenarnya terdapat pelbagai saluran komunikasi pekerjaan di negara ini untuk pelajar memperoleh maklumat mengenai pekerjaan yang menjadi minat masing-masing. Saluran komunikasi pekerjaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut.

### Internet

Pelajar harus menjadikan internet sebagai sebahagian daripada strategi pencarian kerja. Jika bukan tempat yang terbaik untuk mencari peluang kerja, internet masih menyediakan pelbagai faedah kerana enjin carian menyediakan sumber maklumat pekerjaan yang hebat.

Internet menyediakan maklumat mengenai pekerjaan termasuk penyediaan resume yang berkesan, teknik menghadiri temu duga, surat lantikan, surat ucapan terima

kasih serta tip mencari pekerjaan.

Terdapat banyak laman sesawang di internet negara ini yang menyediakan senarai pekerjaan yang boleh dilayari. Antara yang boleh dilayari termasuk [www.graduan.com.my](http://www.graduan.com.my), [www.kareer.com.my](http://www.kareer.com.my), [www.star-jobs.com](http://www.star-jobs.com), dan [www.jobstreet.com](http://www.jobstreet.com).

Banyak juga laman web syarikat atau organisasi yang turut memberi peluang kepada pencari kerja memohon melalui laman web mereka. Pelajar hanya perlu mengisi borang permohonan yang disediakan di

dalam laman web terbabit. Laman web ini boleh membantu memastikan impian dan matlamat kerjaya yang menjadi impian pelajar tercapai.

### Media massa

Terdapat kepelbagaian media massa sama ada cetak mahupun elektronik yang beroperasi di negara ini. Puluhan surat khabar, ratusan majalah serta banyak sekali saluran televisyen dan radio yang boleh dipilih.

Agensi awam atau syarikat swasta di negara ini lazimnya mengiklankan jawatan kosong dalam akhbar arus perdana setiap hari. Pelajar boleh memilih jawatan yang

bersesuaian dengan kelulusan.

Oleh itu, untuk tidak ketinggalan harus melihat dan membaca akhbar setiap hari khususnya hujung minggu. Terdapat banyak jawatan kosong diiklankan dalam akhbar-akhbar dan pelajar boleh memilih jawatan yang bersesuaian dengan kelulusan.

Berdasarkan analisis kebanyakan majikan sektor swasta mengiklankan jawatan kosong di akhbar berbahasa Inggeris, manakala jawatan dalam sektor awam dan agensi kerajaan mengiklankan di akhbar berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Menurut Gerson dan

Gerson (2009) dengan membaca iklan pekerjaan anda boleh menganalisis jawatan kosong yang ada, kelayakan serta julat gaji selain menganalisis kata kunci yang sering terdapat dalam iklan jawatan kosong yang boleh disesuaikan dalam resume pelajar.

Jawatan kosong yang diiklankan ini sama ada diuruskan oleh organisasi itu, pengiklan atau agensi pencari kerja. Sebenarnya, apa yang diiklankan di dalam akhbar oleh pihak terbabit hanyalah sebahagian saja jawatan kosong. Ini bermakna banyak lagi jawatan kosong yang tidak diiklankan oleh majikan.

Anda juga boleh memperoleh maklumat mengenai pekerjaan melalui televisyen, radio dan majalah kerana terdapat majikan yang mengiklankan jawatan-jawatan kosong di dalam media tersebut tersebut namun jumlahnya agak kecil.

### Jabatan Tenaga Kerja

Selain di atas, saluran komunikasi pekerjaan yang boleh diterokai untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pekerjaan ialah di Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber manusia di ibu pejabat Putrajaya atau di mana-mana cawangan di seluruh negara.

Banyak syarikat mendaftarkan

dengan jabatan ini mengenai keperluan tenaga kerja di organisasi mereka, maka gunakan peluang itu dengan mendaftarkan diri di jabatan berkenaan serta memberi maklumat peribadi, kelayakan dan bidang pekerjaan yang diminati.

Kemudahan internet membolehkan jabatan ini melaksanakan penjadohan pekerjaan secara 'online' untuk pencari kerja memperoleh pekerjaan yang sesuai. Bakal majikan pula boleh mendapatkan calon untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Jabatan ini menggunakan alamat laman web [www.jobMalaysia.gov.my](http://www.jobMalaysia.gov.my) untuk memudahkan urusan kedua-dua belah pihak.

JobsMalaysia ialah sistem penjadohan pekerjaan automatik secara 'online' yang disediakan secara percuma untuk kemudahan pencari kerja dan majikan. Menerusi sistem ini, pencari kerja boleh membuat permohonan pekerjaan dan majikan boleh menguruskan permohonan pekerjaan yang diterima.

Berdasarkan statistik di laman web terbabit menunjukkan pada 2012, sebanyak 139,371 pencari kerja baharu yang mendaftar dan disertai 19,286 majikan, manakala sebanyak 11,323 jawatan telah diisi ([www.jobMalaysia.gov.my](http://www.jobMalaysia.gov.my)).